

27/01/2002

PM mahu go-kart disemarak

Wan Jailani Razak

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, adalah menjadi wawasan negara untuk melihat lebih ramai rakyat Malaysia terbabit dalam sukan bermotor, bukan hanya bagi nilai kekeluargaan dan teknologi tapi juga untuk membina sekumpulan pemandu berbakat dalam arena itu.

Perdana Menteri berharap Malaysia pada satu hari kelak menjadi negara pertama dijadikan pilihan oleh pemilih bakat sukan antarabangsa untuk datang dan mencari bakat baru bagi semua acara sukan bermotor perdana dunia.

Menurutnya, ketika ini, Malaysia sudah dikenali di seluruh dunia sebagai penganjur peringkat pertama perlumbaan Formula One.

"Bagaimanapun, kita memerlukan lebih banyak penyertaan dari peringkat bawah dan sukan kart adalah medan terbaik untuk kebanyakan rakyat bermula dalam sukan bermotor.

"Ia memberikan peserta kefahaman mengenai teknologi yang ada di sebalik kelajuan dan pergerakan dan ia boleh menjadi pemangkin penting dalam mencetuskan pembangunan dan penyelidikan," katanya dalam perutusan buku cenderamata Rotax Max World Grand Finals, yang dikeluarkan sempena kejohanan itu di Langkawi, semalam.

Empat pelumba negara - Rodney Magness, Mahathir Bob Ngaau, Mohd Ferhan Fauzy dan Raja Razman Raja Idris layak ke peringkat akhir hari ini selepas mengharungi ujian masa rasmi dan saringan 15 pusingan.

Raja Razman adalah pelumba negara terakhir ke final selepas terpaksa mengharungi saringan peluang terakhir bagi memilih 34 pelumba yang layak ke peringkat itu.

Dr Mahathir berkata, sukan go-kart juga dapat menanamkan nilai-nilai ikatan kekeluargaan kerana pasukan go-kart biasanya terdiri daripada anggota keluarga.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan selamat datang kepada peserta dan pelawat ke Rotax Max World Grand Finals, Langkawi sambil menyifatkan pemilihan Malaysia sebagai penganjur kejohanan adalah satu penghormatan.

Beliau memberi jaminan kerajaan Malaysia akan memberi sokongan penuh akan usaha menjadikan Malaysia sebagai syurga di bidang sukan bermotor dan menganjurkan kejohanan bertaraf dunia itu adalah langkah tepat ke arah itu.

"Langkawi yang menjadi venue bagi World Grand Final, adalah syurga pulau tropika pilihan yang dikurniakan keindahan semula jadi, kaya dengan budaya Malaysia, tradisi dan legenda.

"Kepada peserta luar negara, Langkawi adalah tempat yang sempurna untuk menikmati bukan sahaja karnival karting selama seminggu tetapi juga untuk percutian," katanya.

Acara itu anjuran bersama Mofaz Motorsport, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Kelab Sukan Bermotor Langkawi.

(END)